

# Pelajar UMP maut kereta jatuh gaung

Kenderaan dinaiki hilang kawalan lalu terbabas

SINAR HARIAN (ROMPIN) 14 NOV 2015 m/s 41

ROMPIN - Dua maut termasuk seorang pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) selepas kereta dinaiki mereka hilang kawalan lalu terbabas jatuh ke dalam gaung di Kilometer 160 Jalan Kuantan - Seremban sekitar jam 2.30 petang, kelmarin.

Pemandu kenderaan dikenali sebagai Shahrizal Ujang, 29, yang bekerja sebagai konduktor bas dan berasal dari Felda Pasoh 3 manakala penumpang yang turut maut dikenali sebagai Nur Asyikin Abdullah, 22, yang merupakan pelajar UMP yang berasal dari Tanah Merah, Kelantan.

Ketua Polis Daerah Rompin, Deputy Superintendan Muhammad Aidil Roneh Abdullah berkata, mangsa menaiki kereta Proton Saga BLM dan siasatan awal mendapati mereka dalam perjalanan dari Kuantan menuju ke Seremban.

"Hasil siasatan awal juga mendapati pemandu dan penumpang dipercayai memakai tali pinggang keledar namun pemandu tidak mem-



MUHAMMAD AIDIL



Kedua-dua mangsa meninggal dunia akibat cedera parah di kepala.



Keadaan kereta yang dinaiki mangsa remuk teruk.

punyai lesen memandu.

"Punca kemalangan dipercayai berlaku apabila kereta yang dinaiki mangsa hilang kawalan lalu terbabas jatuh ke dalam gaung sebelah kiri

menuju ke Seremban. Kedua-duanya maut akibat cedera parah di kepala dan mayat dihantar ke Hospital Muadzam Shah untuk proses bedah siasat," katanya kepada Sinar Harian.

Kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.